

**SEBUAH ANALISIS MENGENAI PERANAN DAN  
KESAN GERAKAN MASYARAKAT DALAM  
MENGUBAH LANDSKAP DEMOKRASI DI  
MALAYSIA**

**MUHAMAD MURSYID BIN MOHD SALLEH**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2023**

**SEBUAH ANALISIS MENGENAI PERANAN DAN  
KESAN GERAKAN MASYARAKAT DALAM  
MENGUBAH LANDSKAP DEMOKRASI DI  
MALAYSIA**

oleh

**MUHAMAD MURSYID BIN MOHD SALLEH**

**Tesis ini diserahkan untuk  
memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan**

**Julai 2023**

## **PENGHARGAAN**

Alhamdulillah. Alhamdulillah. Alhamdulillah.

Tiada kata yang lebih sesuai dapat diungkapkan, selain perasaan syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan keizinan-Nya, tesis ini dapat disiapkan mengikut kepada waktu yang telah ditetapkan. Sekalung penghargaan diucapkan kepada Prof. Madya Dr. Azmil bin Mohd Tayeb, penyelia Latihan Ilmiah yang telah memberikan bimbingan dan tunjuk ajar sepanjang tempoh menyiapkan tesis ini.

Jujur kata, segala usaha dan perjuangan dalam dunia pendidikan ini tidak akan pernah berhasil andai tiada sokongan moral dan material yang disalurkan oleh kedua ibu bapa saya, SM (B) Mohd Salleh bin Haji Hanapiah dan Puan Rogayah binti Aziz sepanjang tempoh pengajian diri saya, sejak bermula dari bangku sekolah, sehinggalah selangkah lagi untuk menggengam skrol ijazah. Sokongan dan semangat daripada seluruh ahli keluarga bagi memastikan saya sentiasa bersabar dan terus berusaha dan berjuang dalam dunia pendidikan juga adalah perkara yang paling bermakna dalam hidup ini. Ucapan terima kasih dititipkan buat kekasih hati yang tercinta, Chrishya Joshleen yang sentiasa bersabar dan menjadi penyokong utama dalam setiap perkara yang saya lakukan, dan sentiasa berada bersama ketika detik-detik sukar ketika proses menyiapkan tesis ini berlangsung.

Di kesempatan ini juga, ucapan terima kasih dan penghargaan dihulurkan kepada para responden saya yang sudi untuk melapangkan masa dan membantu menjadi sebahagian daripada proses untuk saya menyiapkan tesis ini. Terima kasih diucapkan kepada Prof. Dr. Sivamurugan Pandian, Saudara Hafiz Hashim, Cikgu Idrus Ibrahim, Saudara Fahmi Zainol, Saudara Ong Jing Chen dan Saudara Ahmad Fathy. Tanpa

bantuan daripada pihak anda semua, sudah pasti kajian ini tidak boleh disiapkan dengan sempurna.

Ucapan terima kasih seterusnya saya tujukan buat rakan-rakan seperjuangan yang berjuang bersama-sama pada sidang ini, yang mengambil SPU498 Latihan Ilmiah, Aqriel Shazwan, Syamimi Rosli dan Ahmad Syukri. Ketiga-tiga insan ini merupakan insan yang paling banyak membantu dalam memberikan sokongan, tunjuk ajar dan juga panduan kepada satu sama lain agar semuanya dapat berjaya dalam menyiapkan tesis seperti mana yang telah ditetapkan oleh pihak penyelia masing-masing. Sejujurnya, jasa kalian akan sentiasa diingati. Tidak dilupakan juga kepada rakan saya, Saudara Abshar Nurasyraf, dan senior, Raja Khairul Akhtar yang telah membantu dalam proses menyiapkan tesis ini.

*Last but not least, I wanna thank me, I wanna thank me for believing in me, I wanna thank me for doing all these hard works, I wanna thank me for having no days off, I wanna thank me for never quit, I wanna thank me for always being a giver and trying to give more than I receive. I wanna thank me for trying to do more right or wrong, I wanna thank me for just being me all time.*

Semoga hasil penulisan tesis ini dapat dimanfaatkan kepada semua, khususnya buat mereka yang berhasrat untuk mengkaji mengenai gerakan masyarakat yang ada di Malaysia mahupun di luar negara.

Buat anda semua, semoga sentiasa dirahmati.

Muhamad Mursyid bin Mohd Salleh, signing off!

25 Julai 2023

## JADUAL KANDUNGAN

<b>PENGHARGAAN</b> .....	<b>ii</b>
<b>JADUAL KANDUNGAN</b> .....	<b>iv</b>
<b>SENARAI SINGKATAN</b> .....	<b>vii</b>
<b>ABSTRAK</b> .....	<b>ix</b>
<b>ABSTRACT</b> .....	<b>x</b>
<b>BAB 1 PENGENALAN</b> .....	<b>11</b>
1.0 Pengenalan .....	11
1.0.1 Demokrasi.....	11
1.0.2 Gerakan Masyarakat .....	12
1.0.3 Ciri-ciri Gerakan Masyarakat .....	13
1.0.4 Gerakan Masyarakat dan Perubahan Sosial.....	14
1.0.5 Jenis Gerakan Masyarakat .....	15
1.1 Latar Belakang Kajian.....	18
1.2 Permasalahan Kajian .....	20
1.3 Persoalan Kajian.....	24
1.4 Objektif Kajian .....	25
1.5 Definisi Operasional.....	26
1.5.1 Gerakan Sosial Baharu dalam Menggerakkan Masyarakat .....	26
1.5.2 Politik Tidak Formal.....	27
1.6 Skop Kajian .....	28
1.7 Justifikasi Kajian .....	31
1.8 Organisasi Penulisan .....	32
<b>BAB 2 SOROTAN KARYA</b> .....	<b>34</b>
2.1 Pengenalan .....	34
2.2 Perkembangan Gerakan Masyarakat Di Malaysia Dan Protes Yang Berlaku	37

2.3	Kerangka Konseptual: Gerakan Masyarakat Yang Baharu.....	43
<b>BAB 3 METODOLOGI .....</b>		<b>52</b>
3.1	Pengenalan .....	52
3.2	Reka Bentuk Kajian .....	53
3.3	Kaedah Pengumpulan Data .....	54
3.3.1	Temu Bual .....	55
3.3.2	Data Sekunder.....	56
3.4	Analisis Data .....	57
3.5	Kesimpulan Bab .....	58
<b>BAB 4 SEJARAH DAN PERANAN GERAKAN MASYARAKAT.....</b>		<b>59</b>
4.1	Pengenalan .....	59
4.2	Gerakan Masyarakat Sebelum Kemerdekaan.....	61
4.2.1	Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) dan Kesatuan Melayu Muda (KMM) .....	63
4.3	Gerakan Masyarakat Selepas Kemerdekaan .....	75
4.3.1	Gerakan Reformasi 1998.....	77
4.3.2	Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (BERSIH) .....	80
4.3.3	Perhimpunan Rang Undang-Undang 355 (RUU355).....	85
4.4	Kesimpulan Bab .....	87
<b>BAB 5 KESAN KEWUJUDAN GERAKAN MASYARAKAT DALAM MENGUBAH LANDSKAP DEMOKRASI DI MALAYSIA .....</b>		<b>88</b>
5.1	Pengenalan .....	88
5.1.1	Pertikaian Antara Gerakan Masyarakat Dan Demokrasi.....	89
5.1.2	Permasalahan Fahaman Mengenai Demokrasi.....	94
5.1.3	Ciri Demokrasi Yang Matang di Malaysia.....	96
5.2	Ideologi dan Struktur Dalam Sesebuah Organisasi.....	99
5.2.1	Idea Yang Diperjuangkan oleh Gerakan Masyarakat.....	99
5.2.2	Struktur Dalam Sesebuah Organisasi .....	102

5.3	Tahap Kebebasan Bersuara Di Malaysia.....	108
5.3.1	Kebebasan Dalam Perhimpunan.....	110
5.3.2	Konsep Kebebasan Yang Sebenar .....	111
5.3.3	Kehadiran Tun Mahathir Dalam Perhimpunan Gerakan Masyarakat 116	
5.3.4	Cara Untuk Mengangkat Hak Kebebasan Bersuara .....	118
5.4	Kerangka Perbincangan Mengikut Gerakan Yang Dipilih.....	120
5.4.1	Gerakan Reformasi 1998 .....	120
5.4.2	Gerakan Bersih .....	133
5.4.3	Himpunan RUU355 .....	141
5.5	Kesan Gerakan Masyarakat Terhadap Demokrasi di Malaysia .....	149
5.6	Kesimpulan Bab .....	155
<b>BAB 6 KESIMPULAN.....</b>		<b>156</b>
6.1	Kesimpulan.....	156
6.2	Masalah Kajian.....	159
6.3	Cadangan Kajian .....	160
<b>SENARAI RUJUKAN .....</b>		<b>161</b>
LAMPIRAN A		
LAMPIRAN B		

## SENARAI SINGKATAN

ABIM	Angkatan Belia Islam Malaysia
AMCJA	All Malayan Council of Joint Action
API	Angkatan Pemuda Insaf
AWAS	Angkatan Wanita Seda
BATAS	Barisan Tani Se-Tanah Air
BERSIH 2.0	Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil 2.0
BN	Barisan Nasional
DAP	Democratic Action Party
DEB	Dasar Ekonomi Baru
DONG ZONG	Persekutuan Lembaga Pengurus Persatuan Sekolah
EIU	Unit Perisikan Ekonomi
EO6	Emergency Ordinand 6
FRU	Unit Simpanan Persekutuan
GERAM	Gerakan Angkatan Muda
H355	Himpunan 355
HINDRAF	Hindu Rights Action Force
IDI	In Depth Interview
IKRAM	Pertubuhan IKRAM Malaysia
ISA	Internal Security Acts 1960
KDN	Kementerian Dalam Negeri
KMM	Kesatuan Melayu Muda
LGBT	Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender
MCA	Malayan Chinese Association
MIC	Malayan Indian Congress
MPAJA	Malayan People's Anti-Japanese Army
NGO	Non-Governmental Organization
NGOs (GONGO)	Governmental-sponsored Non-Governmental Organizations
PAS	Parti Islam Se-Malaysia
PDM	Pusat Daerah Mengundi
PDRM	Polis Di Raja Malaysia
PERKASA	Persatuan Pribumi Perkasa (Malay for "Mighty Native Organization)



PETA	Pembela Tanah Air
PKM	Parti Komunis Malaya
PKMM	Parti Kebangsaan Melayu Malaya
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
PKR	Parti Keadilan Rakyat
PPSMI	Dasar Pengajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris
PR	Pakatan Rakyat
PRU	Pilihan Raya Umum
PUTERA	Pusat Tenaga Rakyat
RUU 355	Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Akta 355)
SITC	Kolej Latihan Sultan Idris
SOSMA	Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012
SPR	Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia
SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
UMNO	Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu
WW2	Perang Dunia Ke-2

## ABSTRAK

Tesis ini bertujuan mengkaji peranan dan kesan gerakan masyarakat dalam mengubah landskap demokrasi di Malaysia yang akan diperincikan melalui **Gerakan Reformasi 1998, Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (BERSIH), dan Himpunan Rang Undang-Undang 355 (RUU355)** sama ada gabungan tersebut membentuk kepada perubahan landskap demokrasi di Malaysia ataupun tidak. Empat elemen yang menjadi kayu pengukur adalah ideologi, strategi, struktur dan aktor. Kajian ini juga akan memperlihatkan sama ada gerakan-gerakan ini semua dapat mengubah pola gerakan masyarakat serta mengubah landskap demokrasi di Malaysia. Di awal penulisan kajian ini diterangkan bagaimana gerakan masyarakat di Malaysia dengan mengambil panduan dari sebelum dan selepas kemerdekaan negara pada tahun 1957. Seterusnya, kajian ini juga akan membahaskan keadaan sosiopolitik yang mendasari kepada ketiga-tiga gerakan tersebut dan melihat bentuk advokasi yang dilakukan dalam usaha untuk menawarkan sebuah gerakan masyarakat di Malaysia. Data dan dapatan kajian akan dikutip melalui kaedah temu bual secara mendalam, kaedah bacaan jurnal dan ke perpustakaan. Data-data ini dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis tematik. Pergerakan ini telah memberikan kesan yang begitu besar dalam proses pergerakan masyarakat di Malaysia dek kerana himpunan yang dilakukan adalah berskala besar.

**Kata kunci:** Gerakan masyarakat, Reformasi, BERSIH, RUU 355, ideologi, strategi, struktur dan aktor

## **ABSTRACT**

This thesis aims to examine the significance of social movements in transforming the democratic landscape of Malaysia, focusing on the three key movements: Gerakan Reformasi 1998, Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (BERSIH), dan Himpunan Rang Undang-Undang 355 (RUU355). This research is to investigate whether these movements have contributed in altering the democratic landscape of Malaysia, considering the four key elements that include ideology, strategy, structure, and actors. Furthermore, the research will explore the potential impact of these movements in influencing the patterns of social mobilization and their role in altered the democratic landscape in Malaysia. An initial overview on the historical context of social movements in Malaysia, tracing their development from pre-independence to the present will as well be provided in the research to reach better understanding of the contemporary landscape. The research then delves into the socio-political backdrop that has influenced these three movements and examines the advocacy approaches employed to foster social transformation in Malaysia. For data and findings, it will be meticulously gathered through in-depth interviews (IDI), journal reviews, and comprehensive library research, with thematic analysis serving as the primary method of the data analysis. The significance of these civil movements lies in their ability to impacted social mobilization in Malaysia, through large-scale demonstrations organized. The study's comprehensive insights underscore the potential transformative power of civil movements in shaping the course of democracy in Malaysia.

**Keywords:** Social movements, Reformasi, BERSIH, RUU 355, ideology, strategy, structure dan actor.

# BAB 1

## PENGENALAN

### 1.0 Pengenalan

#### 1.0.1 Demokrasi

Demokrasi berasal daripada perkataan Yunani iaitu *demo* dan *kratos* yang membawa maksud orang dan kerajaan. Sekiranya digabungkan kedua-duanya itu, ia menjadi satu konotasi kerajaan rakyat (orang) yang memberi gambaran bahawa rakyatnya memainkan peranan penting dan sangat tegas terhadap kerajaan mereka. Menurut *Oxford Advanced Learner's Dictionary of Current English* menggariskan tiga perkara berkaitan demokrasi. Yang pertamanya adalah di mana situasi negara yang mempunyai prinsip berkenaan pemilihan wakil kepada negara mereka. Kedua, negara dan kerajaan yang memberi kuasa dan membenarkan keteguhan kewarganegaraan seperti kebebasan bersuara, beragama, pendapat, berpersatuan, kedaulatan undang-undang, pemerintahan majoriti serta menghormati hak minoriti. Ketiga adalah masyarakat mendapat layanan yang sama antara satu sama lain (Haynes, 1997).

Demokrasi juga merupakan satu kebebasan kerana hanya melalui kebebasan setiap rakyat dapat berkongsi kuasa dalam negaranya (Aristotle).<sup>1</sup> Menurut H. Harris Soche<sup>2</sup> pula, demokrasi adalah satu bentuk kerajaan rakyat dan oleh kerana itu kuasa kerajaan yang digunakan kepada rakyat juga merupakan hak asasi manusia bagi rakyat untuk mempertahankan, mengatur dan melindungi diri mereka daripada sebarang paksaan dalam pemerintahan kerajaan. Sistem politik dan sosial adalah dua perkara

---

<sup>1</sup> Rujuk web [30 Definitions of Democracy According to Experts \(Full Discussion\) \(infotech-web.com\)](http://30DefinitionsOfDemocracyAccordingtoExperts(FullDiscussion).infotech-web.com)

<sup>2</sup> Rujuk web [30 Definitions of Democracy According to Experts \(Full Discussion\) \(infotech-web.com\)](http://30DefinitionsOfDemocracyAccordingtoExperts(FullDiscussion).infotech-web.com)

yang terkait dengan demokrasi dengan kuasa kerajaan yang terhad dek kerana undang-undang yang diciptakan adalah untuk melindungi hak kebebasan rakyatnya (Denny, 2006). Menurut Samuel Huntington (n.d)<sup>3</sup>, demokrasi hanya wujud sekiranya pembuat keputusan daripada sistem pemilihan itu dipilih melalui satu proses pilihanraya yang jujur, adil, dan saksama kepada semua pencalonan untuk mereka berkempen meraihkan undi. Menjawab kepada makna demokrasi oleh Yusuf Al-Qardhawi<sup>4</sup> yang menjelaskan ia sebagai satu forum untuk rakyat memilih seseorang yang sesuai untuk dijadikan pemimpin dan mengawal semua urusan pentadbiran seperti mana yang dikehendaki oleh masyarakat iaitu pemimpin ini bukanlah daripada kalangan yang dibenci, peraturan dan undang-undang ditetapkan seperti mana yang mereka mahu dan pemimpin itu juga mestilah mempunyai hak untuk memecat serta menyingkirkan barisan kepimpinan beliau sekiranya ada yang menyalahgunakan kuasa.

## **1.0.2 Gerakan Masyarakat**

Gerakan masyarakat adalah merupakan satu kempen yang teratur dan berterusan untuk menyokong matlamat sosial, mengelakkan penindasan atau mengetengahkan hak-hak yang diabaikan. Kebiasaannya, gerakan masyarakat ini melibatkan soal pelaksanaan, perubahan atau pencegahan kepada bentuk struktur dan nilai masyarakat setempat (Habermas, 1981). Walaupun gerakan masyarakat ini berbeza-beza daripada segi saiz, matlamat atau tuntutan mereka, ia sebenarnya masih bersifat berdasarkan keputusan kolektif, iaitu ia terhasil daripada tindakan spontan oleh individu-individu yang datang bersama-sama, walaupun hubungan mereka tidak berkaitan, akan tetapi

---

<sup>3</sup> Rujuk web [30 Definitions of Democracy According to Experts \(Full Discussion\) \(infotech-web.com\)](http://infotech-web.com)

<sup>4</sup> Rujuk web [30 Definitions of Democracy According to Experts \(Full Discussion\) \(infotech-web.com\)](http://infotech-web.com)

masih menyertai gerakan masyarakat kerana berkongsi pandangan yang sama terhadap isu yang dibawa oleh gerakan masyarakat.

Segala tingkah laku yang terhasil adalah bersifat kolektif bagi setiap orang ramai. Gerakan ini selalunya terjadi dalam tempoh masa yang singkat atau berepisod, dan sebahagian besarnya terbawa-bawa oleh dorongan orang ramai dan kelompok masyarakat yang memperjuangkan sesuatu isu. Pergerakan ini menjadi berepisod adalah kerana apabila dorongan jangka pendek itu telah memberi laluan kepada matlamat jangka panjang, dan apabila persatuan yang berterusan mengambil tempat kumpulan institusi masyarakat, maka hasilnya adalah gerakan masyarakat.

### **1.0.3 Ciri-ciri Gerakan Masyarakat**

Gerakan ini bukanlah sekadar mengumpulkan masyarakat yang menyokongnya, kerana kebanyakan masyarakat tidak mempunyai mekanisme organisasi atau motivasi yang mampu untuk mengekalkan keahlian mereka menyertai gerakan ini dalam tempoh tidak bertindak apa-apa dan hanya menunggu. Tambahan pula, mekanisme masyarakat juga tidak boleh untuk digunakan untuk mencapai komunikasi dan penyelarasan kepada gerak kerja aktiviti gerakan masyarakat di kawasan yang luas, seperti negara atau benua. Gerakan masyarakat ini adalah hasil daripada campuran organisasi dan tindakan respon spontan masyarakat yang cakna akan hak mereka. Kebiasaannya terdapat satu atau lebih organisasi yang akan memberikan identiti, kepimpinan, dan koordinasi kepada gerakan itu. Sebagai contoh, walaupun organisasi seperti *California's Sierra Club*<sup>5</sup> berpengaruh dalam gerakan untuk memelihara persekitaran semula jadi, maka sesiapa sahaja yang

---

<sup>5</sup> *California's Sierra Club* adalah sebuah organisasi alam sekitar Amerika dengan bab-bab di semua 50 negeri A.S., Washington DC, dan Puerto Rico.

bekerja bagi tujuan itu dan berinteraksi dengan pekerja lain untuk tujuan yang sama ini adalah dianggap sebagai ahli gerakan pemuliharaan. John Brown yang terkenal sebagai bukan ahli mana-mana organisasi pemansuhan, tetapi perjuangannya menjadikan dia sebagai pemimpin dan simbol untuk gerakan itu, walaupun pemimpin organisasi enggan untuk mengenalinya.

#### **1.0.4 Gerakan Masyarakat dan Perubahan Sosial**

Rata-rata definisi gerakan masyarakat mencerminkan tanggapan bahawa gerakan masyarakat secara intrinsik adalah berkaitan dengan perubahan sosial. Mereka ini tidak merangkumi kepada aktiviti masyarakat sebagai ahli kumpulan sosial yang stabil dengan struktur, norma, dan nilai yang ditubuhkan dan ia tidak boleh dipersoalkan. Tingkah laku ahli gerakan masyarakat tidak mencerminkan andaian bahawa perintah sosial akan berterusan pada seperti sedia ada. Ia mencerminkan sebaliknya, iaitu keupayaan dan kesungguhan yang bersifat secara kolektif yang boleh membawa atau merubah struktur sosial (Habermas, 1981). Para pemerhati yang tidak begitu komited mungkin akan menganggap matlamat ini hanyalah sebagai satu ilusi dan mimpi, akan tetapi kepada ahli-ahli gerakan masyarakat, mereka mempunyai impian dan harapan yang cukup besar untuk merealisasikannya. Sekiranya disoal mengenai aktiviti mereka ini, ahli-ahli gerakan masyarakat tidak akan menjawab, "Saya melakukan ini kerana ia sentiasa dilakukan" atau "Ia hanyalah adat untuk turun ke jalan" dan sebagainya. Malah, mereka sedar bahawa tingkah laku yang dilakukan oleh mereka ini sebenarnya dipengaruhi oleh matlamat gerakan itu sendiri, yakni: untuk membawa perubahan dalam sesuatu perkara, atau kadang-kadang untuk mengelakkan perubahan sedemikian daripada berlaku.

### **1.0.5 Jenis Gerakan Masyarakat**

Tidak ada kategori khusus mahupun standard gerakan masyarakat ini. Oleh itu, para sarjana memberikan tumpuan kepada aspek pergerakan yang berbeza-beza, skema bagi mengklasifikasikan ia sebagai perkara yang berbeza-beza juga muncul. Oleh itu, sebarang gerakan masyarakat boleh diterangkan daripada beberapa segi dimensi.

Kebanyakan pengkategorian ini menjurus terus perhatiannya kepada objektif sesuatu gerakan itu. Institusi sosial yang berlaku di dalam atau di mana perubahan sosial ini berlaku akan menyediakan satu asas bagi mengkategorikan gerakan masyarakat ini sebagai gerakan politik, agama, ekonomi, pendidikan, dan sebagainya. Ia juga boleh dikatakan bahawa semua gerakan yang berlaku ini cenderung kepada yang bersifat politik atau agama, bergantung kepada strategi mereka yang bertujuan untuk mengubah struktur politik atau nilai moral individu.

Perbezaan yang sering digunakan, tetapi ia sangat subjektif antara gerakan terhadap "pembaharuan" dan "revolusi". Perbezaan kedua-dua perkara ini membayangkan bahawa gerakan pembaharuan menyokong perubahan yang akan memelihara nilai-nilai yang sedia ada, akan tetapi dengan syarat menyediakan cara yang lebih baik untuk melaksanakannya. Manakala, gerakan revolusi pula adalah sebaliknya, yakni mereka dianggap sebagai menyokong kepada penggantian nilai-nilai yang sedia ada. Walau bagaimanapun, hampir selalunya, ahli-ahli gerakan revolusi ini menegaskan bahawa merekalah yang menghargai nilai-nilai sebenar masyarakat dan pihak lawan yang menentukan gerakan itu sebagai revolusi dan subversif asas terhadap nilai-nilai tradisional.

Sesetengah percubaan dilakukan bagi mencirikan gerakan ini dengan melibatkan arah dan kadar perubahan yang disokong oleh masyarakat. Terma seperti



radikal, reaksi, sederhana, liberal, dan konservatif adalah sering digunakan untuk tujuan pengklasifikasian gerakan masyarakat. Dalam konteks ini, revolusi dan pembaharuan sering digunakan dalam erti kata yang agak berbeza daripada yang diterangkan di atas, dengan implikasi bahawa pergerakan revolusi menyokong kepada perubahan yang pesat, manakala gerakan pembaharuan pula berfungsi untuk perubahan evolusi yang perlahan.

Ahli sosiologi Amerika Syarikat, Lewis M. Killian (1987) telah menakrifkan kategori yang lain berdasarkan kepada arah perubahan yang disokong atau ditentang. Pergerakan reaksi menyokong kepada pemulihan keadaan sosial sebelumnya, sementara pergerakan progresif berhujah untuk pengaturan struktur sosial baru. Pergerakan konservatif akan menentang perubahan yang dicadangkan oleh pergerakan lain, atau yang seolah-olah menunggang kepada perkara yang sudah menjadi budaya, dan menyokong pemeliharaan nilai dan norma sedia ada.

Killian dan seorang lagi ahli psikologi Amerika Syarikat, Ralph H. Turner (1980) telah berhujah bahawa ia dapat digunakan pada masa-masa tertentu bagi mengkategorikan gerakan masyarakat ini berdasarkan beberapa definisi awam mereka, dengan menilai watak pembangkang membangkitkan perihai dan isu, dan juga bagaimana cara tindakan yang tersedia untuk setiap gerakan itu. Skim ini direka bagi menghapuskan penilaian subjektif terhadap matlamat yang wujud dalam kategori seperti reformis dan revolusi. Sesuatu gerakan yang tidak kelihatan mengancam nilai atau kepentingan mana-mana segmen masyarakat yang penting ditakrifkan secara terbuka sebagai satu perkara yang dihormati. Sekiranya tidak ada gerakan bersaing yang menyokong kepada objektif yang sama juga, maka ia juga tidak dapat bertindak.

Gerakan yang tidak berpuak ini mesti dipertahankan terutamanya terhadap golongan yang tidak berminat kepada sokongan material, tetapi ia masih lagi mempunyai akses kepada cara yang sah untuk mempromosikan nilai-nilainya. Pergerakan puak ini juga bersaing dengan gerakan yang menyokong objektif umum yang sama, tetapi mempunyai akses kepada cara yang sah untuk memperluaskan pengaruhnya. Pergerakan yang kelihatan dapat mengancam kepada nilai-nilai kumpulan kepentingan yang kuat dan penting dalam masyarakat ditakrifkan secara terbuka sebagai revolusi dan menghadapi penindasan keganasan. Akibatnya, ia dinafikan segala akses kepada cara yang sah untuk mempromosikan programnya. Satu lagi jenis pergerakan ditakrifkan sebagai tidak dihormati atau berbahaya tetapi dikenali sebagai pergerakan yang pelik; Jenis ini, dilihat sebagai ganjil tetapi tidak berbahaya, menghadapi cemuhan dan mempunyai akses terhadap cara yang sah.

Pergerakan sosial juga boleh dikategorikan berdasarkan watak umum strategi dan taktik mereka; contohnya, sama ada ia sah atau bersifat *underground*. Perbezaan popular antara pergerakan radikal dan sederhana mencerminkan pengkategorian seperti ini; Perbezaan yang jelas antara jenis pergerakan bergantung kepada kebergantungan mereka terhadap taktik ganas atau tidak ganas. Tetapi pergerakan tanpa kekerasan juga boleh ditakrifkan sebagai revolusi atau radikal kerana ia menerima ketidakpatuhan sivil, dan bukannya gerakan melalui undang-undang atau parlimen sebagai ciri utama strateginya. Oleh itu, kajian ini ditulis untuk menganalisa tentang peranan dan kesan gerakan masyarakat dalam mengubah landskap demokrasi di Malaysia dengan menilai seberapa tahunya masyarakat kita akan hak mereka dalam berpolitik ia dapat disalurkan kepada pihak atasan serta sejauh mana suara rakyat dapat memberikan kesan untuk mengubah landskap demokrasi di Malaysia.

## **1.1 Latar Belakang Kajian**

Di mana-mana negara pun, rakyat selaku masyarakat sivil dan negara sendiri merupakan dua buah entiti yang saling memainkan peranan dalam proses pembinaan negara. Dua entiti ini mempunyai hubungan yang sangat kuat dalam mempengaruhi keputusan pembuatan dasar negara apabila mereka dapat berinteraksi dan membuat semakan terhadap rangka membina dan menjadikan sesebuah negara itu bertepatan dengan dasar yang telah digariskan (Roskin et. al, 2006). Oleh itu, masyarakat sivil ini melihat kepada sesuatu yang mendasari perubahan rancangan dasar yang baik dan bermanfaat kepada kesejahteraan masyarakat sebagai objektif pergerakan mereka dan bukan hanya bertumpukan kepada kepentingan politik semata-mata (Kartini, 2012: 2).

Aktor masyarakat sivil ini dapat dibahagikan kepada beberapa perkumpulan gerakan masyarakat iaitu seperti organisasi bukan kerajaan (NGO), organisasi nasionalis, organisasi sosial dan masing-masing juga mempunyai matlamat, agenda, mobilisasi, jaringan, rangkaian dan kelompok sosial organisasi tersendiri. Sebagai contoh, aktiviti gerakan masyarakat ini lebih cenderung kepada protes jalanan, demonstrasi, bantahan umum dan bahkan sehingga menjadi rusuhan (sesetengah kumpulan yang radikal). Kumpulan NGO menggunakan pendekatan kaedah untuk advokasi, organisasi sosial melobi antara rakyat dan ahli politik, golongan nasionalis pula lebih kepada aktiviti melalui aliran media dan institusi sosial seperti surau, madrasah dan sekolah (Kartini, 2012: 3). Bentuk organisasi sosial ini juga dibezakan melalui penyertaan ahli melalui semua aktor dalam proses gerakan mereka. Gerakan dalam setiap penyertaan ahli ini juga terdiri daripada individu, mahasiswa, kelompok persatuan alternatif (yang mempunyai hasrat, agenda dan impian yang sama). Manakala daripada segi komposisi sosial dalam NGO pula, penyertaan ahlinya melibatkan

daripada golongan profesional dan organisasi sosial terdiri daripada golongan pekerja kelas bawahan, pengusaha dan kelompok masyarakat tempatan dan yang terakhir komposisi sosial bagi golongan nasional ini adalah datangnya daripada golongan-golongan agamawan.

Daripada bentuk organisasi pula gerakan masyarakat lebih bersifat rangkaian dan sedikit longgar berbanding dengan kumpulan NGO yang mempunyai birokrasi tersendiri dan saiz organisasi juga lebih besar dan formal. Organisasi sosial mempunyai bentuk agensi berhierarki dan rangkaiannya tidak formal. Kumpulan nasionalis pula mempunyai persamaan hierarki dan pimpinan mereka juga adalah daripada pemimpin yang berkarismatik. Jikalau dilihat daripada bentuk organisasi, sebenarnya ada persamaan dan perbezaan yang terdapat dalam ciri-ciri antara setiap satu gerakan ini.

Maka dengan itu, dalam perbincangan Kaldor (2003) mendapati bahawa gerakan masyarakat, NGO, organisasi sosial dan nasionalis ini bukanlah organisasi kerajaan, sebaliknya mereka ada perkumpulan yang mempunyai ideologi, impian, hasrat dan agenda tersendiri dalam memenuhi objektif yang mereka rasakan ia berpatutan untuk dicabar terhadap pihak kerajaan. Sehubungan dengan itu, negara Malaysia selaku negara yang mengamalkan dan menjunjung prinsip demokrasi, kerajaan telah memberi ruang kepada setiap gerakan masyarakat ini untuk berpartisipasi dalam memberi cadangan, bantahan dan sokongan terhadap pembuatan dasar. Akan tetapi, perkara ini semua masih lagi terikat dengan jaminan hak bersuara yang termaktub dalam Perkara 10, Perlembagaan Persekutuan Malaysia di mana warganegara Malaysia mempunyai hak dan kebebasan dalam mengeluarkan pendapat dan buah fikiran mereka selagi mana mereka tidak menyentuh pada isu-isu telah dikenal pasti oleh Parlimen dalam Perkara 10(4).

Malaysia sebagai negara yang berbilang kaum, dan mengamalkan demokrasi, sudah semestinya hak kepada kaum-kaum utama di Malaysia juga akan dipelihara. Maka wujud pelbagai perkumpulan sosial sama ada yang berteraskan kaum ataupun yang lebih bersifat kepada universal (Zaini Othman, 2008). Antara contoh perkumpulan sosial yang berteraskan kaum-kaum yang ada di Malaysia ini adalah seperti HINDRAF, PERKASA, Kumpulan Himpunan Rang Undang-undang 355 (RUU355) dan *Dong Jiao Zong (Huantuan)*. Wujud juga dinamik perkumpulan yang tidak mengambil kaum sebagai objektif penubuhan kumpulan mereka dalam memperjuangkan nasib mereka. Antaranya juga adalah seperti Gerakan Reformasi dan BERSIH, yang tidak melihat kaum sebagai teras perjuangan mereka dan bertujuan memobilisasikan sumber manusia dengan melihat perkara yang lebih universal dalam proses pembinaan negara yang lebih kukuh. Maka dengan itu, dengan pelbagai orientasi perkumpulan yang primordial dan perubahan ini dapat dilihat melalui dinamik pergerakan politik yang tidak formal atau melalui gerakan masyarakat di Malaysia. Gerakan Reformasi dan BERSIH adalah contoh yang akan diketengahkan bagi melihat sama ada gerakan masyarakat ini dapat merubah landskap demokrasi di Malaysia ataupun tidak.

## **1.2 Permasalahan Kajian**

Di Malaysia, benar kita mempunyai kebebasan pergerakan perkumpulan masyarakat ini, namun kebebasan ini tidaklah selalunya memberikan impak yang begitu besar kepada pimpinan negara apabila masyarakat menyatakan pandangan mereka. Kerajaan acapkali menyekat dan menghalang daripada gerakan masyarakat ini berhimpun beramai-ramai, dengan alasan ia menggunakan sentimen agama, status orang Melayu, melindungi ketenteraman awam dan sebagainya, sedangkan ia sebahagian daripada usaha untuk menutup salah laku oleh pihak kerajaan itu sendiri.

Rakyat di setiap negara yang mengamalkan demokrasi sebagai asas perlembagaan negara mereka berhak untuk mempertahankan hak-hak mereka, dalam apa jua cara sekalipun. Undang-undang yang termaktub dalam perlembagaan negara-negara yang mengamalkan demokrasi ini juga seharusnya adalah untuk membela nasib hidup rakyat negara mereka, dan bukannya untuk para pemerintah menggunakan undang-undang itu dengan menekan hidup rakyat apatah lagi dengan menjadikan amal kedaulatan undang-undang itu sebagai satu perkara yang *double standards* terhadap pemerintahan mereka.

Pengamalan yang digerakan oleh gerakan masyarakat ini dikenali sebagai tindakan politik tidak formal yang membentuk gerakan politik dan ia telah mula berkembang sejak awal 1980 an lagi. Politik tidak formal ini juga berlawanan dengan amalan politik formal seperti karenah birokrasi, eksekutif, kehakiman, legislatif, pilihan raya dan parti politik (Francis Loh, 2009). Amalan politik tidak formal ini mula disekat dan seakan terhenti pengamalannya akibat daripada tekanan-tekanan yang diarah oleh pihak pemerintah. Seperti contoh pada lewat 1980 an, kerajaan pemerintah telah melancarkan satu operasi bagi membanteras sekumpulan gerakan masyarakat yang membara melawan kerakusan pihak kerajaan yang dikenali sebagai Ops Lalang pada tahun 1987.

Kendatipun begitu, gerakan masyarakat ini muncul kembali dan semarakan api yang membara terhadap peristiwa besar yang berlaku di negara Malaysia pada 1997 di mana berlakunya krisis kewangan Asia, dan tahun berikutnya pada 1998 apabila Datuk Seri Anwar Ibrahim (yang kini sebagai Perdana Menteri Malaysia ke-10) dipecat daripada menjawat jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Malaysia. Gerakan masyarakat yang turun berdemo, berhimpun dan menyatakan solidariti bersama-sama Anwar Ibrahim ketika itu dinamakan sebagai Gerakan Reformasi, yang mana mereka merasakan tindakan yang dilakukan oleh Perdana

Menteri ketika itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad adalah sebagai satu langkah dan tindakan yang kejam.

Daripada penyertaan politik oleh pelbagai pihak di Malaysia ini telah memberikan satu gambaran bahawa berlakunya pergelutan budaya yang tidak lagi hanya mengambil pendekatan formal, namun ada juga pendekatan yang tidak formal digunakan. NGO antara aktor yang mengamalkan amalan formal ini telah menjadi satu agen untuk proses semak dan imbang berlaku adil seadilnya terutamanya dalam proses pilihanraya dan pelbagai perkara-perkara lain lagi. Walaupun begitu, semasa tempoh peralihan pemerintahan daripada Tun Dr. Mahathir Mohamad kepada Tun Abdullah Ahmad Badawi, amalan politik yang tidak formal ini masih diberikan ruang dan ia berjaya mengambil tempat dalam sistem institusional politik di Malaysia. Perkara ini dapat dilihat semasa pemerintah Tun Abdullah, apabila ketika itu hasratnya adalah untuk memulihkan kembali sistem demokrasi di negara Malaysia dengan mengambil pendekatan yang lebih moderat (Marzuki Mohamad, 2004).

Sejarah negara Malaysia yang melalui pengalaman kebangkitan gerakan masyarakat pada sebelum kemerdekaan boleh dilihat melalui gerakan Malayan Union yang menentang kepada pimpinan British waktu ketika itu. Namun selepas kemerdekaan, gerakan politik tidak formal yang berskala besar ini pula apabila berlakunya Gerakan Reformasi 1998 dan seterusnya gerakan oleh Gabungan Pilihanraya Bersih dan Adil (BERSIH) yang setiap satu daripada gerakan ini mempunyai kesinambungan secara bersiri dalam usaha untuk menuntut pihak kerajaan untuk mendengari suara dan tuntutan mereka. Kedua-dua gerakan ini juga mempunyai elemen budaya popular yang wujud dalam sesebuah entiti gerakan masyarakat dalam usaha membentuk identiti dan minat terhadap politik dalam kalangan anak muda (Hasrizuan, 2014).

Gerakan politik dan gerakan sosial yang terhasil ini adalah daripada reaksi perubahan struktur persekitaran sosioekonomi dan keputusan-keputusan politik yang dihimpit lagi dengan hegemoni yang berakar jauh dengan tanah yang dipijak oleh rakyat kebanyakan. Maka dengan itu wujudlah interaksi sosial yang berbeza-beza dinamik persekitarannya dan setiap satu gerakan masyarakat yang berlaku adalah untuk menerangkan kepada masyarakat negara akan sifatnya yang sedemikian. Pada masa yang sama juga, fenomena ini dapat dilihat sebagai wujudnya kelompok-kelompok yang mempunyai minat dan elemen budaya yang sangat tinggi dalam membangunkan pemahaman yang bersifat intelektual.

Walaupun gerakan-gerakan masyarakat ini ditekan dengan struktur kekuasaan oleh pihak kerajaan, namun setiap gerakan dapat memperlihatkan sokongan yang berlaku dalam setiap pergerakan berlaku ini mendapat dorongan yang tidak berbelah bahagi dan tidak berputus-putus sokongan yang diberikan oleh masyarakat negara apabila penyertaannya disertai oleh pelbagai lapisan umur masyarakat tanpa mengira kaum dan agama. Himpunan gerakan-gerakan ini juga digelar sebagai 'himpunan raksasa' yang dapat bertahan daripada tahun pertama penganjuran sehingga kini.

Gerakan Reformasi 1998, menyaksikan ratusan ribu masyarakat negara berkumpul di ibu kota negara menyatakan sokongan dan bersolidariti bersama-sama Anwar Ibrahim dan ia tidak terhenti disitu sahaja, apabila perbicaraan kes Anwar mengenai tuduhan liwat di mahkamah dan sehingga ke akhir hari pengampunan diraja terhadap dirinya juga, masih ramai yang menyokong dan bersama-sama dirinya. Himpunan BERSIH juga yang telah dilakukan dan diteruskan secara bersiri bermula BERSIH, BERSIH 2.0, BERSIH 3.0, BERSIH 4.0 dan akhir sekali BERSIH 5.0 dan penyertaannya bertambah saban tahun penganjurannya yang juga telah menarik minat masyarakat yang kebanyakannya telah sedar dan merasakan perjuangan itu sebagai satu



perjuangan yang memberikan manfaat kepada proses pilihanraya yang adil di negara Malaysia.

Daripada sini juga dapat dilihat bagaimana gerakan BERSIH telah mengulangi bagaimana gerakan masyarakat yang berlaku pada gerakan Reformasi 1998, yakni merentas etnik dan kelas sosial yang dilihat sebagai satu asas dan perkara yang sangat konsisten dalam sejarah negara walaupun pengamalan politik tidak formal ia masih menarik perhatian orang untuk menyertainya (Francis Loh, Saravanamuthu, 2003).

### **1.3 Persoalan Kajian**

Pelbagai perhimpunan aman, rapat umum, demonstrasi duduk dan bantah, dan lain-lain lagi tindakan sebagai satu tanda protes untuk mempengaruhi perhatian masyarakat umum dengan memaklumkan tentang sesuatu yang berlaku dalam sesebuah komuniti. Jelas sekali tindakan ini adalah bertujuan untuk mendapatkan respon daripada kerajaan atas ketidakadilan atau ketidakcekapan sesuatu polisi atau arahan yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan itu sendiri. Ini merupakan satu proses untuk masyarakat untuk menyalurkan pandangan, pendapat, dan suara mereka agar didengari oleh pihak atasan. Perhimpunan dan demonstrasi ini bukanlah satu-satunya cara untuk mendapatkan perhatian pihak kerajaan, namun apabila segala ruang dan corong untuk menyalurkan pendapat dan suara mereka ini tidak diendah oleh pihak kerajaan, makanya protes jalanan digerakkan bagi mendapatkan perhatian yang khusus mengenai satu-satu perkara itu. Lebih menyedihkan apabila, kesemua perhimpunan ini telah digunakan pengaruh penguatkuasa untuk menghalang masyarakat daripada melakukan hal sedemikian. Hal ini telah menimbulkan persoalan kepada pengkaji akan sejauh mana masyarakat kita ini mengetahui hak mereka dalam berpolitik untuk memenuhi hak mereka. Tambahan pula, pengkaji juga berperanan untuk menilai akan bagaimana